

Jurnal Personalia Pelajar 21(1): 11-18

Indeks Sara Hidup Pelajar: Kajian Kes di Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC)
(*Students Cost of Living Index: A Case Study in International Education College (INTEC)*)

AMIR ASYRAF HUSNI NIZAD, RUBAYAH YAKOB*, MOHD HAFIZUDDIN SYAH
BANGAAN ABDULLAH & ROZIANA BAHARIN

ABSTRAK

Peluang belajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan sesuatu yang diidamkan oleh kebanyakan pelajar. Walau bagaimanapun, kehidupan sebagai pelajar di IPT agak mencabar terutama dari segi kelangsungan hidup. Ini termasuklah isu kos sara hidup yang memberi impak kepada pelajar bagi memenuhi keperluan asas harian, dalam situasi ekonomi yang tidak menentu pada masa kini. Persoalannya adalah adakah pelajar-pelajar mempunyai jumlah kewangan yang mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan di kampus? Maka, kajian ini bertujuan untuk mengira indeks sara hidup pelajar di IPT. Indeks yang dikira berupaya menggambarkan kedudukan kewangan yang merangkumi aspek pendapatan dan perbelanjaan pelajar. Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC), Shah Alam telah di pilih sebagai sampel kajian untuk mendapatkan data melalui borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar (90%) mendapat sumber kewangan daripada ibu bapa mereka. Selain itu, 74% pelajar memperoleh biasiswa dan hanya 14% pelajar mendapat pinjaman. Dari segi pendapatan, jumlah pendapatan pelajar per bulan ialah RM89, 330 dengan purata RM1786.60 per pelajar. Manakala, jumlah perbelanjaan per bulan ialah RM54, 281 dengan purata RM1085.62 per pelajar. Perbelanjaan tertinggi yang dihadapi oleh pelajar ialah yuran pengajian dengan jumlah purata sebanyak RM2031.94 per pelajar. Selain daripada berbelanja ke atas barangan asas, pelajar juga didapati memperuntukan sejumlah wang mereka untuk hiburan. Kajian juga mendapati bahawa indeks sara hidup pelajar di INTEC ialah 0.61. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendapatan yang dimiliki oleh para pelajar masih mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka. Indeks ini dijangkakan meningkat kerana indeks sara hidup sangat bergantung dengan kos sara hidup semasa yang semakin hari semakin tinggi. Hasil kajian diharapkan memberikan gambaran yang jelas kepada pelajar untuk membuat persediaan kewangan yang mencukupi. Bagi pengurusan universiti, indeks sara hidup pelajar boleh menjadi tanda aras dalam pembuatan keputusan dan perlaksanaan strategi terutamanya yang melibatkan komitmen kewangan agar ianya tidak terlalu membebankan para pelajar.

Kata Kunci: Indeks sara hidup, kewangan, pendapatan, perbelanjaan, pelajar, kos

ABSTRACT

Studying in the higher learning institution (HLI) is something most students dream of. However, the life as a student in the HLI is very challenging especially on the student survival. It includes the cost of living issue, which impact the students to meet their daily basic needs in today's uncertain economics situation. The question is, do students have enough financial resources to cover all expenses in campus? Thus, this study aims to calculate the cost of living index for HLI students. The calculated index is able to reflect the financial position of the student, which includes income and expenditure. International Education College (INTEC), Shah Alam is chosen as research sample for data collection through questionnaires. The results showed that majority of students (90%) are financed by their parents. In addition, 74% of students receive scholarships and only 14% of students secure education loans. In terms of income, total student income per month is RM89, 330 with an average of RM1786.60 per student. Whereas, the total expenditure per month is RM54, 281 with an average of RM1085.62 per student. The highest spending for students is tuition fee with an average of RM2031.94 per student. Apart from spending on basic items, students allocated some portion of their money for entertainment as well. This study also finds that the cost of living index for students in INTEC is 0.61. This shows that the income of the students is sufficient to cover their expenses. This index is expected to increase as it depends heavily on the cost of living, which continuously increase. The results of this study would provide clear picture for students to prepare an adequate financial resources. For the university management, the student living index can be a benchmark for their decision making and strategy implementation, especially those requires financial commitment to lessen student financial burdens..

Keywords: Living index, financial, income, expenditure, student, costs

PENGENALAN

Terdapat pelbagai perkara yang perlu diambilkira berkenaan dengan isu kos sara hidup pelajar di kampus dengan cabaran ekonomi masa kini. Perbelanjaan untuk perkara asas dalam kehidupan seperti makan dan minum, sewa rumah atau kolej, dan pengangkutan untuk ke kuliah merupakan antara perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh para pelajar. Bagi membiayai perbelanjaan ini, kebanyakan pelajar universiti mendapatkan pinjaman daripada badan-badan tertentu seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain itu, bagi pelajar yang cemerlang, mereka mungkin menerima biasiswa daripada pihak-pihak tertentu termasuk kerajaan, yayasan negeri dan organisasi-organisasi swasta. Malah, terdapat juga segelintir pelajar yang dibiayai sendiri oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Walaupun begitu, kos sara hidup yang semakin meningkat telah memberikan tekanan kepada para pelajar di universiti. Mereka berhadapan dengan pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan. Sebuah akhbar atas talian, Malay Mail Online (8 Januari 2016) telah membuat liputan mengenai seorang mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terpaksa mengikat perut selepas membayar yuran pengajian dan hutangnya. Selain itu, akhbar Harian Metro (2 Mac 2016) telah memetik statistik yang dilaporkan oleh Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia (MVM) bahawa 57 peratus mahasiswa hanya memperuntukkan RM5 sehari untuk makan (Shuhada 2016). Keadaan ketidakcukupan pendapatan ini seringkali mendorong para pelajar untuk mencari pekerjaan sambil bagi menambahkan pendapatan mereka. Antara persoalan yang muncul daripada isu di atas ialah adakah mahasiswa di universiti mempunyai kos sara hidup yang tinggi? Di samping perbelanjaan untuk yuran pengajian, makan dan minum, sewa rumah atau kolej, dan pengangkutan awam, adakah mahasiswa mempunyai perbelanjaan-perbelanjaan lain sehingga kos sara hidup mereka meningkat, lalu mengakibatkan situasi ikat perut ini terjadi? Seterusnya, punca pendapatan mahasiswa juga perlu dikaji. Adakah kebanyakan mahasiswa ditanggung sepenuhnya oleh ibu bapa, mendapat pinjaman atau biasiswa? Di samping itu, adakah terdapat mahasiswa yang terpaksa melakukan kerja sambil, bukan kerana mahukan pengalaman, tetapi kerana kesempitan wang?

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk (1) mengenalpasti jumlah pendapatan yang diperolehi oleh pelajar, (2) mengenalpasti perbelanjaan yang ditanggung oleh pelajar dan (3) mengira indeks sara

hidup pelajar di universiti untuk menggambarkan kedudukan kewangan pelajar. Hasil kajian ini diharapkan mampu memberikan input kepada para pelajar supaya dapat bersedia dengan keperluan kewangan sepanjang tempoh pembelajaran. Bagi pengurusan universiti, indeks sara hidup pelajar boleh menjadi tanda aras bagi pembuatan keputusan dan pelaksanaan strategi terutamanya yang melibatkan komitmen kewangan agar ianya tidak terlalu membebankan para pelajar.

KAJIAN LEPAS

Julizah (2014) menyatakan bahawa kos sara hidup dan juga taraf kehidupan mempunyai kaitan di antara satu sama lain. Menurut beliau lagi, kos pendidikan juga merupakan salah satu perbelanjaan yang signifikan selain daripada kos ke atas makanan dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, kos pendidikan di zaman persekolahan dan pengajian tinggi mempunyai perbezaan yang amat ketara (Siti Alida & Halimah 2007). Keperluan pelajar universiti semakin bertambah, sebagai contoh, komputer riba atau komputer meja telah menjadi satu barang yang mesti dimiliki oleh para pelajar universiti bagi menyiapkan pelbagai tugas (Shahryar & Tan 2013).

Menurut Shahryar dan Tan (2013), kos menetap di kolej di Universiti Taylor telah meningkat secara mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Yuran kelas tambahan, yuran pengajian, dan buku ilmiah telah meningkat sebanyak 5 ke 10 peratus per tahun.

Perbelanjaan pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) boleh dibahagikan kepada dua iaitu kos pengajian dan kos sara hidup (Siti Alida & Halimah 2007). Kos sara hidup termasuklah kos ke atas makanan, tempat tinggal, pakaian dan keperluan asas yang lain (Julizah 2014), manakala kos pengajian pula terdiri daripada yuran pengajian, buku teks dan penggunaan kemudahan-kemudahan di IPT (Siti Alida & Halimah 2007). Kajian oleh Nur Hayati et al. (2007) yang telah dijalankan di Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang (UiTMPP) mendapati bahawa kebanyakan pelajar memperuntukkan 23.23% pendapatan mereka untuk keperluan asas seperti makanan dan minuman dan 8.66% untuk penginapan. Ini selari dengan kajian oleh Sarah et al. (2015) yang menunjukkan bahawa perbelanjaan pelajar secara puratanya banyak dihabiskan kepada keperluan asas iaitu makanan (28.20%). Hasil kajian ini disokong oleh Royal Bank of Scotland (2017) yang mendapati bahawa sebahagian besar pendapatan pelajar diperuntukkan untuk membeli makanan dan keperluan rumah. Namun begitu, hasil kajian oleh Shahryar & Tan

(2013) agak berbeza. Mereka mendapati bahawa selain makanan, pelajar juga banyak menghabiskan wang mereka ke atas hiburan, pakaian dan telefon. Kajian ini turut disokong oleh Mustafa & Fikri (2011) yang mendapati bahawa mahasiswa di IPT mengamalkan sikap boros berbelanja sehingga melebihi daripada yang sepatutnya. Justeru, faktor ini mendorong mahasiswa membuat pertimbangan yang salah berkaitan dengan pengurusan kewangan (Varcoe et al., 2005).

Berdasarkan kajian lepas, pelajar membiayai perbelanjaan mereka daripada pelbagai sumber pendapatan. Antara sumber pendapatan yang telah dikenalpasti terdiri daripada biasiswa, pinjaman dan pemberian ibu bapa (Nur Hayati et al. 2007). Sebahagian besar pelajar memperoleh pendapatan daripada pinjaman pendidikan (Sarah et al. 2015; Aisyah & Wajeeha 2016). Secara terperinci, Aisyah & Wajeeha (2016) mendapati bahawa 43% daripada responden memperoleh pendapatan melalui pinjaman pendidikan PTPTN, 28% melalui biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), 18% melalui pemberian ibu bapa dan selebihnya 11% melalui yayasan negeri, zakat dan pinjaman dari syarikat korporat. Kajian yang dilakukan di luar negara oleh Royal Bank of Scotland (2017) mendapati perkara yang sama iaitu pinjaman pendidikan merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan pelajar diikuti dengan wang saku daripada keluarga.

DATA DAN METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data primer yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada 125 orang pelajar Kolej Pendidikan Antarabangsa atau International Education College (INTEC), Shah Alam secara atas talian. Walau bagaimanapun, hanya 50 soal selidik yang lengkap untuk di analisis bagi memenuhi objektif kajian ini. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A meliputi soalan demografi pelajar dan keluarga. Soalan-soalan yang ada dalam bahagian ini terdiri daripada soalan jenis tertutup kecuali soalan jenis pekerjaan penjaga adalah berbentuk terbuka. Bahagian B pula terdiri daripada soalan tentang sumber pendapatan dan jumlah perbelanjaan pelajar serta jumlah tabungan yang dimiliki. Bahagian ini terdiri daripada 5 soalan dan sub-soalan berbentuk terbuka yang memerlukan responden memperincikan jumlah pendapatan yang diterima dan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi satu bulan.

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan berkebarangkalian dan tidak berkebarangkalian.

Pensampelan berkebarangkalian kelompok (cluster) digunakan pada peringkat pertama. Menurut Sekaran & Bougie (2016), pensampelan kelompok mengkehendaki ciri-ciri homogenus antara kelompok (intercluster) tetapi mempunyai ciri-ciri yang heterogenus dalam kelompok yang sama (intracluster). Oleh sebab itu pemilihan satu kolej swasta iaitu INTEC adalah memadai untuk kajian ini memandangkan ciri-ciri bagi setiap pelajar di universiti swasta adalah sama. Dengan kata lain, mana-mana universiti swasta di Malaysia sudah pasti mempunyai gabungan pelajar yang berbeza dari segi jantina, bangsa, tahun pengajian, sektor pekerjaan penjaga, sumber pendapatan pelajar, jumlah perbelanjaan pelajar dan jumlah tabungan. Oleh sebab itu, sebuah kolej swasta mampu untuk mewakili seluruh kolej swasta dalam populasi. Di peringkat kedua, pensampelan tidak berkebarangkalian iaitu pensampelan senang (convenience sampling) digunakan untuk memilih responden (pelajar). Data individu dikutip secara atas talian.

Analisis dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah bertujuan untuk menentukan purata jumlah perbelanjaan dan purata jumlah pendapatan bagi pelajar yang menyambung pengajian di INTEC. Dengan mengetahui purata perbelanjaan dan purata pendapatan pelajar, indeks sara hidup pelajar di INTEC dapat dikira. Indeks sara hidup pelajar dikira dengan menggunakan rumus:

$$\text{Indeks sara hidup pelajar} = \frac{\text{purata perbelanjaan sebulan}}{\text{purata pendapatan sebulan}}$$

Indeks sara hidup pelajar diperoleh dengan mengira nisbah antara purata perbelanjaan dan pendapatan pelajar untuk sebulan (Royal Bank of Scotland, 2017). Indeks sara hidup kurang daripada 1 menunjukkan bahawa pendapatan yang diperoleh mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan yang dialami oleh pelajar. Manakala, nilai indeks sama dengan 1 menunjukkan bahawa jumlah pendapatan sama dengan jumlah perbelanjaan dan nilai indeks lebih daripada 1 menandakan jumlah perbelanjaan adalah melebihi jumlah pendapatan. Takrifan indeks sara hidup diringkaskan dalam Jadual 1. Secara keseluruhan, indeks sara hidup menggambarkan taraf hidup pelajar di sesebuah kolej atau universiti. Semakin rendah nilai indeks, semakin mudah untuk pelajar membiayai perbelanjaan mereka di universiti.

JADUAL 1. Takrifan Indeks Sara Hidup

Nilai indeks	Takrifan
> 1	Pendapatan mencukupi untuk menampung perbelajaan
= 1	Pendapatan sama dengan perbelajaan
< 1	Pendapatan tidak mencukupi menampung perbelajaan

HASIL DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 2, dapat diperhatikan bahawa peratusan pelajar perempuan (70%) adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki (30%). Keputusan seperti ini sudah sememangnya dijangka kerana tidak dapat disangkal lagi bahawa jumlah keseluruhan pelajar perempuan yang berjaya menyambung pengajian ke universiti adalah lebih tinggi daripada jumlah keseluruhan pelajar lelaki. Majoriti daripada responden merupakan pelajar yang berbangsa Melayu (98%), manakala terlalu sedikit pelajar bukan Melayu iaitu

bangsa Cina (2%). Ini kerana pelajar-pelajar Melayu lebih berminat untuk mengambil peluang belajar di INTEC berbanding pelajar bukan Melayu yang lebih gemar untuk melanjutkan pengajian mereka di Tingkatan Enam.

Taburan dari segi tahun pengajian agak sekata di mana terdapat 34% pelajar merupakan pelajar Tahun 1, Tahun 2 sebanyak 50% dan Tahun 3 sebanyak 16%. Lebih separuh iaitu 58% daripadapenjaga responden bekerja di sektor awam, 34% di sektor swasta dan 8% di badan-badan bukan kerajaan.

JADUAL 2. Taburan Profil Responden

Profil	Kategori	Frekuensi (%)
Jantina	Lelaki	30
	Perempuan	70
Bangsa	Melayu	98
	Cina	2
	India	0
	Lain-lain	0
	Bukan Warganegara	0
Tahun Pengajian	Tahun 1	34
	Tahun 2	50
	Tahun 3	16
Pekerjaan Penjaga	Sektor Awam	58
	Sektor Swasta	34
	Badan Bukan Kerajaan (NGO)	8

Berdasarkan Jadual 3, dapat diperhatikan bahawa majoriti daripada pelajar iaitu 90% mendapat sumber pendapatan mereka daripada ibu bapa. Secara purata, jumlah pendapatan yang pelajar terima daripada ibu bapa mereka ialah RM1, 956 dengan nilai minimum sebulan ialah RM100 dan nilai maksima ialah RM20, 000 (rujuk Jadual 4). Di samping itu, terdapat 12% daripada pelajar yang mendapat sumber pendapatan daripada perniagaan atas talian dan purata pendapatan mereka ialah RM39.17 dengan RM100 merupakan nilai maksimum yang berjaya diperolehi melalui perniagaan atas talian setiap bulan. Dua daripada responden

atau 4% melakukan kerja sambilan bagi menampung pengajian mereka dan purata pendapatan mereka ialah RM575 per bulan. Para pelajar yang bekerja sambilan mampu memperoleh pendapatan sehingga RM1, 000 sebulan. Terdapat juga segelintir pelajar iaitu 2% yang memperoleh pendapatan melalui pelaburan. Namun, nilai yang beliau peroleh hanyalah RM20 per bulan. Kajian ini juga mendapati bahawa 74% pelajar memperoleh sumber pendapatan daripada penajaan dan 14% sahaja yang membuat pinjaman. Sumber pendapatan yang lain seperti daripada ahli keluarga selain ibu bapa dan bantuan zakat juga dikenalpasti

JADUAL 3. Maklumat Pendapatan Pelajar

Profil	Kategori	Kekerapan (%)
Sumber Pendapatan Pelajar	Ibu Bapa	90
	Perniagaan Atas Talian	12
	Bekerja Sambilan	4
	Keuntungan atas Pelaburan	2
	Lain-lain	0
Sumber Penajaan	Biasiswa	74
	Pinjaman	14
Bantuan/Sumbangan Kewangan	Ahli Keluarga (selain ibu bapa)	20
	Zakat	4
	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0
	Lain-lain	0

(Nota: jumlah kekerapan melebihi 100% kerana sumber pendapatan seorang pelajar adalah pelbagai)

dalam kajian ini iaitu masing-masing sebanyak 20% dan 4%. Taburan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di INTEC mempunyai sumber pendapatan pelbagai

dan bercampur. Sebagai contoh, seorang pelajar yang mempunyai tajaan biasiswa mungkin pada masa yang sama menerima wang saku daripada ibu bapa mereka.

JADUAL 4. Sumber Pendapatan Pelajar

Profil	Purata (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Ibu Bapa	1956	100	20,000
Perniagaan atas talian	39.17	5	100
Bekerja Sambilan	575	150	1000
Keuntungan atas pelaburan	20	20	20

Jadual 5 menunjukkan pecahan perbelanjaan yang dilakukan oleh para pelajar di INTEC. Semua pelajar perlu berbelanja untuk keperluan asas termasuk makanan dan minuman. 80% pelajar berbelanja untuk keperluan hiburan seperti bersia-siar atau menonton wayang. Situasi begini mungkin disebabkan oleh lokasi

INTEC yang terletak di Shah Alam yang memudahkan para pelajar untuk berseronok dan melapangkan fikiran. Perbelanjaan lain termasuk 76% berbelanja untuk alatulis, 62% tambang seperti membeli tiket Keretapi Tanah Melayu (KTM), dan perkhidmatan *Uber* dan *Grab*.

JADUAL 5. Pecahan Perbelanjaan Pelajar

Profil	Frekuensi (%)
Barangan keperluan harian	100
Bil utiliti (contoh: bil elektrik, bil air)	20
Bahan bacaan dan alatulis	76
Penginapan	22
Yuran pengajian	36
Pengangkutan (contoh: minyak kenderaan)	36
Tambang pengangkutan (contoh: KTM, Uber, Grab)	62
Bayaran pindahan (contoh: sedekah, zakat, sumbangan)	26
Rawatan kesihatan (contoh: hospital, klinik)	12
Insurans (contoh: kesihatan, keluarga, hayat)	8
Hiburan (contoh: bersiar-siar, menonton wayang)	80
Pembelian kosmetik	28
Lain-lain	10

Dari segi jumlah perbelanjaan yang diperuntukan untuk setiap kategori, didapati bahawa secara purata sebanyak RM293.66 sebulan untuk keperluan harian dengan nilai minimum RM10 sebulan dan maksimum RM600 sebulan (rujuk Jadual 6). Perbezaan yang ketara ini mungkin disebabkan oleh gaya hidup dan latar belakang keluarga yang berbeza. Selain itu, mungkin bagi sesetengah pelajar yang tinggal bersama dengan ibu bapa sudah tentu tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk keperluan harian sedangkan bagi pelajar yang hidup berdikari adalah sebaliknya. Perbelanjaan tertinggi

yang perlu ditanggung oleh pelajar ialah yuran pengajian iaitu sebanyak RM2,031.94. Namun, hanya 36% sahaja daripada responden yang mempunyai perbelanjaan tersebut. Ini kerana sebahagian besar daripada pelajar mempunyai biasiswa dan pinjaman. Oleh itu, yuran pengajian ditampung oleh biasiswa dan pinjaman mereka. Peruntukan perbelanjaan kepada hiburan juga merupakan aspek perbelanjaan yang agak penting. Secara purata, pelajar berbelanja sebanyak RM102 untuk hiburan dengan perbelanjaan terendah sebanyak RM20 dan perbelanjaan maksima sebanyak RM300.

JADUAL 6. Perbelanjaan Pelajar

Profil	Purata (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Barangan keperluan harian	293.66	10	600
Bil utiliti (contoh: bil elektrik, bil air)	84	10	300
Bahan bacaan dan alatulis	47.63	10	150
Penginapan	340.27	150	1200
Yuran pengajian	2,031.94	20	11,000
Pengangkutan (contoh: minyak kenderaan)	113.89	20	300
Tambang pengangkutan (contoh: KTM, Uber, Grab)	48.93	5	250
Bayaran pindahan (contoh: sedekah, zakat, sumbangan)	32.92	5	100
Rawatan kesihatan (contoh: hospital, klinik)	60.83	5	200
Insurans (contoh: kesihatan, keluarga, hayat)	95	50	170
Hiburan (contoh: bersiar-siar, menonton wayang)	102	20	300
Pembelian kosmetik	67.43	10	200
Lain-lain	62.6	50	83

Melalui taburan pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan didapati bahawa jumlah pendapatan semua responden ialah RM89, 330 dengan purata seorang responden mendapat pendapatan sebanyak RM1, 786.60 sebulan. Manakala, jumlah perbelanjaan semua responden pula ialah RM54, 281, dengan purata seorang responden membelanjakan RM1, 085.62 sebulan (lihat Jadual 7). Daripada kedua-dua jumlah ini dibuktikan bahawa indeks sara hidup pelajar di INTEC ialah 0.61. Ini mengimplikasikan bahawa pendapatan para pelajar di INTEC mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka. Nilai ini juga tidak jauh berbeza dengan indeks sara hidup yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar di Scotland iaitu 0.68 (Royal Bank of Scotland,

2017). Nilai Indeks Sara Hidup kurang daripada 1 bagi INTEC adalah berkemungkinan kerana majoriti daripada pelajar yang melanjutkan pengajian mendapat biasiswa dan pinjaman. Perbelanjaan terbesar iaitu yuran pengajian telah diselesaikan oleh sumber penajaan dan pinjaman. Di samping itu, pendapatan hasil daripada pekerjaan sampingan amat membantu menampung kos hidup pelajar yang semakin tinggi. Walaupun Indeks Sara Hidup ini dapat memberi gambaran tentang sara hidup pelajar di universiti swasta seperti INTEC, namun begitu, hasil ini perlu dilihat secara berhati-hati disebabkan oleh jumlah responden yang agak kecil iaitu seramai 50 orang.

JADUAL 7. Jumlah dan Purata Pendapatan dan Perbelanjaan

Profil	RM
*Jumlah Pendapatan	89330
**Jumlah Perbelanjaan	54281
Purata Pendapatan $\left(\frac{\text{Jumlah Pendapatan}}{\text{Jumlah pelajar}}\right)$	1786.60
Purata Perbelanjaan $\left(\frac{\text{Jumlah Perbelanjaan}}{\text{Jumlah pelajar}}\right)$	1085.62

Nota: *Nilai ini diperolehi daripada kombinasi pendapatan 50 responden; ** Nilai ini diperolehi daripada kombinasi perbelanjaan 50 responden.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa pendapatan pelajar adalah daripada pelbagai sumber. Dengan kata lain, terdapat pelajar yang mungkin memperoleh lebih daripada satu jenis pendapatan. Malahan, sumber pendapatan daripada ibu bapa dan juga tajaan biasiswa merupakan dua sumber pendapatan yang utama bagi para pelajar di INTEC. Tajaan biasiswa yang diterima oleh para pelajar INTEC agak tinggi kerana pelajar-pelajar di kolej ini merupakan pelajar yang terpilih dan sedang menjalani kursus persediaan selama dua (2) tahun sebelum melanjutkan pengajian ke luar negara. Walaupun demikian, terdapat segelintir pelajar yang memperoleh pendapatan daripada perniagaan atas talian, pelaburan, pinjaman dan bantuan zakat. Secara keseluruhan, jumlah pendapatan yang diperolehi ialah sebanyak RM89, 930 dengan purata seorang pelajar mempunyai pendapatan sebanyak RM1, 786.60 sebulan.

Daripada segi perbelanjaan pula, perbelanjaan paling tinggi diperuntukkan kepada yuran pengajian

selain keperluan harian termasuk makan dan minum. Kebanyakan pelajar juga membelanjakan amaun yang agak tinggi untuk hiburan. Jumlah perbelanjaan pelajar di INTEC ialah sebanyak RM54, 281 dengan purata seorang pelajar membelanjakan RM1, 085.62 sebulan. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa indeks sara hidup pelajar-pelajar di kolej swasta seperti INTEC adalah munasabah iaitu 0.61. Ini menggambarkan bahawa jumlah pendapatan pelajar mampu untuk menampung perbelanjaan mereka.

Indeks yang dikira ini diharapkan dapat memberikan input yang signifikan kepada para pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke universiti terutamanya universiti swasta. Pelajar akan lebih bersedia dan dapat membuat perancangan yang teliti terutamanya dalam hal yang membabitkan kewangan. Manakala bagi pihak pengurusan universiti, indeks sara hidup pelajar boleh menjadi tanda aras bagi pembuatan keputusan dan pelaksanaan strategi terutamanya yang melibatkan komitmen kewangan agar ianya tidak terlalu membebankan para pelajar.

Namun begitu, indeks yang dikira agak terhad

kerana hanya terpakai untuk sebuah universiti sahaja. Oleh sebab itu, kajian yang seumpamanya perlu diperluaskan kepada semua universiti di Malaysia supaya para pelajar dapat membuat perbandingan yang lebih menyeluruh antara satu universiti dengan universiti yang lain.

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat bantuan kewangan daripada Geran Penyelidikan Tabung Kokorikulum PTJ EP-2017-043.

RUJUKAN

- Aisyah, A., R. & Wajecha, Z. 2016. Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2): 85-94
- Anon. 2016. Kesempitan wang, pelajar UKM ikat perut hingga 'usus terkoyak'. *Malay Mail Online*, 8 Januari. <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/kesempitan-wang-pelajar-ukm-ikat-perut-hingga-usus-terkoyak> [22 November 2017]
- Julizah, S. 2014. Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat. *DIMENSIKOOP* 44: 15-19.
- Mustaffa, W & Fikri, M. 2011. Kecekapan pengurusan Kewangan Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku

- Sultanah Bahiyah. Proceedings Commerce Department Research Colloquium 2011. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
- Nur Hayati, A., R., Fairus, M., D., Ahmad, Z., M., J., Melinda @ Siti Asmah, Y. & Roziah, M., J. 2008. Impak Ekonomi Perbelanjaan Pelajar Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang di Kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. *Proceeding of National Seminar on Science, Technology and Social Sciences 2008* hlm. 313-319
- Royal Bank of Scotland. 2017. *Student Living Index 2017*
- Sarah, A., S., Aisyah, A., R. & Hairunnizam, W. 2015. Pola Perbelanjaan dan Haddul Kifayah Zakat bagi Pelajar Sarjana Muda di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(2): 44-61
- Sekaran, U. & Bougie, R. 2016. Research methods for business: A skill building approach Ed.: John Wiley & Sons.
- Shahryar, S. & Tan, S., T. 2013. Spending Behaviour of a Case of Asian University Students. *Asian Social Science* 10(2): 64-69
- Shuhada, M. 2016. Derita Ikat Perut. *Harian Metro*. 2 Mac. <https://www.hmetro.com.my/node/119544> [25 November 2017]
- Siti Alida, J., A. & Halimah@Nasibah, A. 2007. *Kewangan dan Pelajar IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Varcoe, K. P, Martin, A., Devitto, Z. Go, C. 2005. Using a Financial Education Curriculum for Teens. Association for Financial Counseling and Planning Education. *Volume 16(1): 63-72*. <http://www.afcpe.org/assets/pdf/vol1617.pdf>

Amir Asyraf Husni Nizad, Rubayah Yakob*, Hafizuddin-Syah, B.A.M & Roziana Baharin
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat-menyurat; e-mel: rubayah@ukm.edu.my

Diserahkan: 4 Mei 2018
Diterima: 26 Julai 2018